



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PROGRAM ADAT DAN TRADISI KAMPUNG ANGKAT MADANI JPA *Warisan Perpatih Memperkukuh Muafakat, Menghormati Kepelbagaian, Menyemarakkan Hari Malaysia*

KUALA PILAH, 21 September 2025 – YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), hari ini merasmikan **Program Adat dan Tradisi Kampung Angkat MADANI JPA 2025 di Kampung Sungai Layang, Seri Menanti, Kuala Pilah.**

Program ini menampilkan dua adat penting dalam sistem warisan Perpatih iaitu **Adat Menerang Buapak** dan **Adat Berkodin**. Kedua-dua adat ini menjadi simbol amanah kepimpinan, penerimaan persaudaraan dan semangat muafakat. Ia bukan sekadar ritual, tetapi mekanisme sosial yang menegaskan bahawa setiap anggota komuniti adalah sebahagian daripada keluarga besar yang saling bertanggungjawab menjaga maruah serta kesejahteraan bersama.

Keunikan warisan Perpatih di Negeri Sembilan terus diamalkan sebagai tradisi turun-temurun. **Adat Berkodin** menzahirkan penerimaan untuk menjadi sebahagian daripada keluarga suku dengan ikrar taat setia melalui upacara tertentu manakala **Adat Menerang Buapak** memperlihatkan peranan pemimpin suku sebagai penjaga adat, pembimbing dan pendamai masyarakat. Lebih penting, kedua-dua adat ini telah disesuaikan dengan ajaran Islam, memastikan ia kekal serasi dengan tuntutan agama serta relevan dengan masa kini.

Nilai yang lahir daripada warisan ini iaitu persaudaraan, rasa hormat dan semangat kebersamaan bukan sahaja mencerminkan kekuatan masyarakat adat, malah selari dengan **aspirasi Malaysia MADANI**. Kekuatan negara lahir daripada kepelbagaian budaya yang dirangkul dengan muafakat, seterusnya dilentur ke arah pencapaian matlamat kesejahteraan bersama.

Selaras dengan semangat itu, Tan Sri KPPA dalam ucapannya menegaskan bahawa “Majlis seperti ini bukan sahaja memperingati warisan, tetapi juga mengingatkan kita bahawa nilai-nilai lama yang baik boleh terus hidup subur bersama nilai-nilai aspirasi baharu”.

Beliau turut berharap “Agar generasi muda hari ini tidak memandang adat hanya sebagai ritual semata-mata, tetapi juga sebagai panduan hidup yang membentuk disiplin, perpaduan, dan rasa cinta kepada tanah air”.

Keberhasilan program ini juga tidak akan tercapai tanpa sokongan pelbagai pihak. Tan Sri KPPA merakamkan penghargaan kepada **Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Pegawai Daerah Negeri Sembilan, YM Dato’ Adat Istana, Ibu Soko, Penghulu Seri Menanti, Pengerusi JPKK Kg. Seri Menanti dan Kg. Merual, Galeri Diraja Tuanku Ja’afar, Lembaga Muzium Kuala Pilah serta warga kerja JPA** yang sentiasa memberi sokongan bagi menjayakan program ini.

Dengan sokongan ini, program adat bukan sahaja berfungsi sebagai ruang penghayatan budaya, tetapi berpotensi diperluas menjadi produk pelancongan. Generasi muda dan pelancong dapat merasai pengalaman adat secara langsung di tanah adat Seri Menanti, sekaligus mengukuhkan usaha JPA membumikan nilai **Malaysia MADANI** secara inklusif bukan sahaja melalui dasar pentadbiran, tetapi juga melalui **warisan budaya yang menyatukan rakyat**.

Jelaslah bahawa adat dan tradisi kekal sebagai denyut nadi sebuah bangsa. Melalui penganjuran Program Adat dan Tradisi Kampung Angkat MADANI JPA 2025, Negeri Sembilan bukan sahaja terus menonjol sebagai pusat khazanah Perpatih, tetapi juga menjadi cerminan semangat Malaysia yang **bersatu dalam kepelbagaian, teguh dalam muafakat**.

###

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 21 September 2025

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (26)